



Turun padang seluruh Malaysia

Membela
kebijakan
rakyat
bandar

- Peruntukan lebih RM285 juta
- 157 projek dilaksana
- 24 kawasan Parlimen

muka 2-4



Hala tuju
pengurusan
sisa pepejal
negara muka 6



Program-program
utama KPKT 2017
muka 8&9



RPN Ke-3, DPN2 DFP Desa Negara



PPR Tehel



Hari Perancangan Bandar & Habitat Sedunia



Hari Anggota Bomba Sedunia



PPR Taman Ratu Sugi



Hari Landskap Negara 2017



PPR Taman Ratu Sugi



Hari Kitar Semula



Ops Bayu



PPR Kuala Nerus



WUP9



Ops Bayu



PPR Kuala Nerus



WUP9



Ops Bayu



PPR Kuala Nerus



WUP9



Ops Bayu



**SIDANG REDAKSI****PENASIHAT**

YBhg. Dato' Sri Haji Mohammad bin Mentek

Ketua Setiausaha Kementerian Kesejahteraan Bandar, Perumahan dan Kerajaan Tempatan

KETUA EDITOR

Norhayati Abd. Manaf

Ketua Unit Komunikasi Korporat

PENOLONG KETUA EDITOR

Rosyila Abdul Latif

Pegawai Perhubungan Awam

Siti Mariani Ayob

Pegawai Perhubungan Awam

Nazirul Ikram Sirozi

Pegawai Komunikasi Strategik

Nadhilah Shariffuddin

Penolong Pegawai Perhubungan Awam

SIDANG PENGARANG

- Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia
- Jabatan Perancangan Bandar dan Desa Semenanjung Malaysia
- Jabatan Perumahan Negara
- Jabatan Kerajaan Tempatan
- Jabatan Landskap Negara
- Jabatan Pengurusan Sisa Pepejal Negara
- Perbadanan Pengurusan Sisa Pepejal dan Pembersihan Awam (SWCorp)
- Tribunal Perumahan dan Pengurusan Strata
- Institut Latihan Kesejahteraan Bandar, Perumahan dan Kerajaan Tempatan
- Bahagian Undang-undang
- Bahagian Dasar dan Inspektorat
- Bahagian Kewangan dan Perolehan
- Bahagian Akaun
- Bahagian Pembangunan dan Pelaksanaan Projek
- Bahagian Khidmat Pengurusan
- Bahagian Keurusetiaan Strategik dan Hubungan Antarabangsa
- Bahagian Pemberi Pinjam Wang dan Pemegang Pajak Gadai
- Bahagian Kesejahteraan Bandar
- Bahagian Perkhidmatan Perbandaran
- Bahagian Sumber Manusia
- Bahagian Teknologi Maklumat
- Unit Audit Dalam
- Unit KPI
- Unit Integriti

PENERBIT

Unit Komunikasi Korporat

► 9 APRIL 2017

Desa Mentari, PJS6,
Petaling Jaya, Selangor.



Aduan rakyat bandar diambil tindakan

Turun padang selesai masalah

KESEJAHTERAAN rakyat bandar khususnya golongan berpendapatan rendah sentiasa diberi keutamaan oleh Menteri Kesejahteraan Bandar, Perumahan dan Kerajaan Tempatan, Tan Sri Haji Noh bin Omar.

Keprihatinan beliau dibuktikan dengan usaha gigih turun padang di seluruh negara sepanjang tahun 2017 bagi mendengar keluh-kesah serta melihat sendiri permasalahan yang dihadapi orang ramai.

Lif tidak boleh digunakan, kerosakan tangki air, kutipan sampah tidak diuruskan dengan sempurna, bumbung bocor serta sistem kumbahan dan longkang tersumbat.

Semua masalah itu adalah antara aduan yang dikemukakan secara langsung kepada Noh oleh para penduduk setiap kali beliau turun padang.

Penduduk tidak perlu menunggu lama untuk menyaksikan aduan mereka diselesaikan kerana Noh terus mengumumkan kelulusan peruntukan bagi melaksanakan kerja-kerja membaik pulih dan menaik taraf.

Secara keseluruhan, Kementerian Kesejahteraan Bandar, Perumahan dan Kerajaan Tempatan (KPKT) menyalurkan peruntukan ber-

jumlah RM285,156,890 selepas menerima kelulusan daripada Noh semasa program-program turun padang yang diketuai beliau di seluruh negara.

Selain kerja-kerja membaik pulih dan menaik taraf, Noh turut meluluskan peruntukan bagi projek membina dan menaik taraf pelbagai kemudahan awam agar penduduk setempat dapat menjalani kehidupan dalam suasana lebih ceria serta selesa.

Antaranya penyelenggaraan landskap, menaik taraf surau, membina gelanggang futsal b e r b u m b u n g , mengecat semula bangunan dan menaik taraf dewan komuniti.



► 2 OKTOBER 2017

Pangsapuri Pak Mahat,
Kuantan,
Pahang.

► 14 SEPTEMBER 2017

Pangsapuri Taman Kem Pelabuhan Klang, Klang, Selangor.




▲ 15 MAC 2017
**Taman Sri Indah,
Balik Pulau,
Pulau Pinang.**

▼ 9 OKTOBER 2017
**Rumah Pangsa
Impian, Bandar
Saujana Putra,
Selangor.**
▼ 3 OKTOBER 2017
**Pangsapuri
Taman Industri
Lembah Jaya,
Ampang,
Selangor.**


Golongan yang hidup dalam keadaan serba daif di bandar turut menerima perhatian sewajarnya daripada Noh di mana beliau telah meluluskan peruntukan membaik pulih kediaman mereka.

Sikap Noh yang mesra rakyat juga membuatkan rakyat bandar tidak berasa segan untuk mendekatinya dan menyuarakan masalah secara terus kepada beliau.

▼ 5 OKTOBER 2017
**Pangsapuri
Taman Puchong
Permai, Puchong,
Selangor.**
25 SEPTEMBER 2017 ▼
**Rumah Pangsa
Subang Perdana,
Subang, Selangor.**

**Skop
kerja yang
diluluskan**
**Menaik
taraf jalan**
**Menggantikan
lif yang
rosak**
**Mengecat
semula
bangunan**
**Membaiki
kerosakan
harta umum**
**Membaik
pulih sistem
pendawaian
elektrik**
**Membina
gelanggang
futsal
berbumbung**
**Membaik
pulih
surau**
**Menaik
taraf dewan
serbaguna**
**Membaiki
sistem
kumbahan**
**Membaiki
bumbung
bocor**
**Menggantikan
tangki air
dan sistem
retikulasi**


Pangsapuri PKNS Taman Dato' Harun,
Petaling Jaya, Selangor - 12 September 2017



Rumah Pangsa Pinggiran Batu Caves,
Gombak, Selangor - 10 Jun 2017



Program *turun padang* Tan Sri Haji Noh bin Omar

KAWASAN PARLIMEN DIKUNJUNGI TAN SRI HAJI NOH BIN OMAR:

SELANGOR

- Ampang
- Gombak
- Hulu Langat
- Kajang
- Kapar
- Kelana Jaya
- Klang
- Kuala Langat
- Pandan
- Petaling Jaya Selatan
- Petaling Jaya Utara
- Puchong
- Selayang
- Sepang
- Serdang
- Shah Alam
- Subang
- Tanjong Karang

PAHANG

- Cameron Highlands

PULAU PINANG

- Balik Pulau
- Tasek Gelugor

JOHOR

- Pasir Gudang
- Bakri
- Muar

PANGSAPURI IMPIAN INDAH, PAYA JARAS

- Peruntukan **RM2.69 juta**
- Baik pulih susur tangan, pam air, lif dan bumbung

RUMAH PANGSA KOS RENDAH SAUJANA PUTRA & PANGSAPURI DATO' HORMAT, TELOK PANGlima GARANG

- Peruntukan **RM600,000**
- Pembinaan gelanggang futsal berbumbung dan naik taraf surau

FLAT SRI AMAN DAN PANGSAPURI DAMANSARA BESTARI

- Peruntukan **RM1 juta**
- Baik pulih dan selenggara lif serta penyediaan peralatan cegah kebakaran

PANGSAPURI TAMAN PUCHONG PERMAI BLOK, PANGSAPURI TAMAN PUCHONG PERMAI, PANGSAPURI PUCHONG PERDANA & PANGSAPURI GARNET, PUCHONG INDAH

- Peruntukan **RM17 juta**
- Baiki bumbung, susur tangan dan cat semula bangunan

PANGSAPURI TAMAN INDUSTRI LEMBAH JAYA, PANGSAPURI SERI NILAM, BANDAR BARU AMPANG DAN PANGSAPURI CEMPAKA & KEMBOJA, TAMAN AMPANG INDAH

- Peruntukan **RM10.3 juta**
- Baik pulih dan selenggara kemudahan awam serta penyediaan peralatan mencegah kebakaran

PPR PAK MAHAT, TANJONG LUMPUR, KUANTAN

- Peruntukan **RM5 juta**
- Menambah baik pelbagai infrastruktur

RUMAH PANGSA SUBANG PERDANA 3, RUMAH

PANGSA KOS RENDAH TAMAN SUBANG PERDANA & PANGSAPURI UTARID SUBANG

- Peruntukan **RM8 juta**
- Membaiki bumbung, lif dan cat semula bangunan

RUMAH PANGSA SEGAR PERDANA, RUMAH PANGSA TAMAN KOTA CHERAS & TAMAN PERKASA FASA 1

- Peruntukan **RM4 juta**
- Membaiki lif, longkang, susur tangan, turap semula jalan dan cat semula bangunan

FLAT TAMAN KEM, FLAT TAMAN TELOK GEDONG INDAH & PANGSAPURI PENDAMAR 7A & 7B

- Peruntukan lebih **RM11 juta**
- Baiki bumbung, tangki air dan penyelenggaraan kawasan persekitaran serta menambah baik

surau dan membina gelanggang futsal berbumbung.

PANGSAPURI PERMAI, FLAT PKNS TAMAN DATO' HARUN & FLAT DESA PERANGSANG

- Peruntukan lebih **RM17 juta**
- Membaiki surau, gelanggang futsal, bumbung dan longkang

FLAT TERATAI DI TASIK GELUGOR, PULAU PINANG

- Peruntukan **RM1.3 juta**
- Membaiki tangki air, tangga, susur tangan, bumbung dan cat semula bangunan

3 PANGSAPURI KOS RENDAH DI KAWASAN PARLIMEN PANDAN

- Peruntukan **RM6 juta**
- Membaiki bumbung, tangki air, longkang dan lif

Apartment Taman Kristal,
Gombak, Selangor - 21 Mei 2017





◀ Pangsapuri Impian Indah, Sungai Buloh, Selangor - 23 Oktober 2017



Tanjong Karang, Selangor - 15 Oktober 2017

FLAT KOS RENDAH PKNS SEKSYEN 18, SHAH ALAM

- Peruntukan **RM2 juta**
- Menggantikan tangki air, cat semula bangunan dan membina dewan terbuka

FLAT SRI MELUR, GOMBAK SETIA

- Peruntukan **RM500,000**
- Membaiki bumbung

PANGSAPURI TAMAN SAMUDERA, GOMBAK

- Peruntukan **RM700,000**
- Membaiki sistem kumbahan

PANGSAPURI LAKSAMANA JAYA, GOMBAK

- Peruntukan **RM6 juta**
- Cat semula bangunan, membina tiga gelanggang futsal dan menggantikan lif

APARTMENT KRISTAL, SELAYANG

- Peruntukan **RM22 juta**
- Memulihkan projek perumahan terbengkalai

APARTMENT SELAYANG MULIA, SELAYANG

- Peruntukan **RM500,000**
- Membaiki susur tangan



PERUNTUKAN BAIK PULIH KESEJAHTERAAN BANDAR OLEH TAN SRI NOH HAJI OMAR

SELURUH MALAYSIA BAGI TAHUN 2017



Hala tuju pengurusan sisa pepejal negara

Kementerian Kesejahteraan Bandar, Perumahan dan Kerajaan Tempatan (KPKT) sentiasa berusaha dalam menambah baik pengurusan sisa pepejal di negara ini selaras dengan pelaksanaan pengurusan sisa pepejal berdasarkan hierarki pengurusan sisa yang memberi keutamaan kepada pengurangan sisa melalui 3R (Reduce, Reuse and Recycle), rawatan perantaraan dan pelupusan akhir.

Ia juga adalah selari dengan matlamat Dasar Pengurusan Sisa Pepejal Negara (DPSPN) iaitu mewujudkan sistem pengurusan sisa pepejal yang menyeluruh, bersepadu, kos efektif, mesra alam dan menjamin kesihatan awam.

Usaha-usaha untuk menambah baik pengurusan sisa pepejal di negara ini sentiasa dilaksanakan secara berterusan meliputi pelbagai aspek ke arah mencapai kelestarian persekitaran dan kesejahteraan hidup masyarakat.

Akta Pengurusan Sisa Pepejal dan Pembersihan Awam 2007 (Akta 672) telah diguna pakai di beberapa negeri iaitu Pahang, Kedah, Perlis, Negeri Sembilan, Johor, Melaka serta Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur dan Putrajaya.

Penguatkuasaan perundangan akan terus dipertingkatkan menerusi penambahbaikan mekanisme penguatkuasaan dan pematuhan terhadap perundangan pengurusan sisa pepejal dan pembersihan awam menerusi pemakaian Akta 672 dan penguatkuasaan Peraturan-Peraturan Pengurusan Sisa Pepejal dan Pembersihan Awam.

Pihak KPKT juga telah merangka pelbagai inisiatif dan strategi ke arah mengurangkan penjanaaan sisa pepejal dan mengoptimalkan penggunaan sumber.

Antara strategi yang dilaksanakan adalah melaksanakan pengasingan sisa pepejal di punca bagi isi rumah.

Selain itu, pelaksanaan program pengasingan sisa di punca juga akan turut diperluaskan kepada sektor industri, komersial dan institusi.

Pihak kementerian juga sedang meneliti beberapa mekanisme baharu dalam mengurangkan sisa pepejal melalui aktiviti kitar semula seperti Extended Producer Responsibility (EPR), pengurusan sisa makanan serta lain-lain lagi.

Dalam masa sama, pendekatan ekonomi baharu iaitu Circular Economy dalam pengurusan sisa pepejal turut diteliti.

Sisa yang dijana akan digunakan sebagai sumber yang boleh diguna semula dan permerolehan semula untuk penjanaaan tenaga serta inisiatif 'waste to wealth'.

Selaras dengan hasrat kerajaan untuk menerapkan amalan kitar semula dalam kalangan masyarakat serta mencapai sasaran kadar kitar semula isi rumah sebanyak 30 peratus pada tahun 2020, pihak kementerian telah melaksanakan penguatkuasaan Pengasingan Sisa Pepejal di Punca (Separation at Source) di negeri-negeri yang menerima pakai Akta 672 pada 1 Jun 2016.

Sejak awal pelaksanaannya sehingga 30 November 2017, sebanyak 4,560.53 tan sisa kitar semula telah berjaya diasingkan.

Pencapaian ini juga secara tidak langsung telah menyumbang kepada peningkatan kadar kitar semula negara dari 17.5 peratus pada 2016 kepada 20.9 peratus pada 2017.

Manakala dalam aspek pelupusan sisa pepejal, usaha yang telah dan sedang dilaksanakan oleh pihak kementerian adalah dengan menutup tapak-tapak pelupusan terbuka dan digantikan dengan pembinaan tapak pelupusan sanitari berpusat (regional) dan bersepadu secara berpe-



ringkat.

Kemudahan pengurusan sisa pepejal yang bersepadu dan berpusat yang akan dilengkapi dengan sistem pengasingan sisa, Kemudahan Mendapatkan Semula Bahan (Material Recovery Facility - MRF); Kemudahan Biogas (Anaerobic Digester); Kemudahan Pengkomposan dan Loji Pengolahan Haba (Insinerator).

Teknologi-teknologi yang bersesuaian juga akan dipertimbangkan untuk diguna pakai jika teknologi tersebut memenuhi tiga syarat yang telah ditetapkan kementerian iaitu terbukti, mesra alam dan 'value for money'.

Pada masa ini, negara mempunyai 18 tapak pelupusan sanitari manakala se-

lebihnya iaitu 136 tapak adalah merupakan tapak pelupusan terbuka.

Pihak kementerian turut menjalankan kerja-kerja menaik taraf tapak pelupusan sedia ada kepada tapak pelupusan sanitari dan telah melaksanakan 16 projek tutup selamat tapak pelupusan.

Pihak KPKT juga kini sedang dalam peringkat akhir proses perolehan tender bagi pembinaan loji Waste to Energy (WtE) di Taman Beringin, Kepong, Kuala Lumpur.

Pembinaan loji insinerator adalah amat diperlukan terutamanya bagi bandar-bandar besar yang menjana sisa pepejal melebihi 1,000 tan sehari.

Walaupun pembinaan loji insinerator memerlukan kos pembinaan antara

RM600 juta hingga RM1 bilion bagi loji dengan kapasiti 1,000 tan dan operasi yang tinggi jika dibandingkan dengan kos pembinaan dan operasi sebuah tapak pelupusan, tetapi pembinaan loji insinerator akan memberikan faedah jangka masa panjang kepada negara di mana keperluan untuk mendapatkan tanah, pencemaran kepada tanah serta pelepasan gas rumah hijau dapat dikurangkan dengan ketara.

Selain itu, kos operasi loji insinerator dapat dikurangkan sekiranya pihak Kerajaan membina loji insinerator dengan kapasiti yang besar (1,000 tan ke atas) dan membekalkan sisa pepejal yang kering dengan melaksanakan program rawatan sisa makanan di punca.

Pihak KPKT sentiasa berusaha melaksanakan pelbagai inisiatif melalui pelaksanaan program serta kempen kesedaran di media elektronik dan media cetak bagi meningkatkan kesedaran dan memberi pendidikan kepada masyarakat terutamanya dalam meningkatkan amalan kitar semula.

Ia merupakan suatu usaha yang berterusan dan memerlukan tempoh masa yang panjang.

Pihak kementerian melalui Perbadanan Pengurusan Sisa Pepejal dan Pembersihan Awam (SWCorp) telah mengadakan pelbagai program seperti program 3R@Kids, 3R@Edu, 3R@Komuniti, 3R@Gov, 3R@drivethru, 3R@IPT dan 3R@industri.

Selain itu, kementerian juga turut mengadakan program-program secara tahunan seperti Pertandingan Kitar Semula Sekolah-Sekolah Peringkat Kebangsaan (PerKiss), Pertandingan Sculpture 3R di peringkat universiti awam dan swasta, Konvensyen Kelestarian Kampus Hijau serta sambutan Hari Kitar Semula Kebangsaan.

Menerusi program kesedaran yang dijalankan secara berterusan dan komitmen yang memberangsangkan daripada semua pihak, kementerian yakin ia akan mampu mentransformasi minda masyarakat Malaysia ke arah amalan hidup yang lestari dan hijau serta menggalakkan amalan kitar semula dalam kalangan masyarakat.

Ia juga diyakini dapat menyumbang kepada pengurangan jumlah sisa pepejal yang dihantar ke tapak pelupusan, mengelakkan pembuangan bahan yang boleh dikitar semula serta boleh memanjangkan jangka hayat sesebuah tapak pelupusan.

BICARA MENTERI*Perjuangan telus demi kesejahteraan rakyat*

TIDAK berapa lama lagi, tahun 2017 akan melabuhkan tirainya. Sepanjang tahun ini, rakyat dapat melihat sendiri banyak kepincangan yang berlaku di negeri-negeri yang dikuasai pembangkang khususnya di Selangor.

Paling dikesali, baru-baru ini, seorang ahli Melayu DAP bersikap biadab terhadap Duli Yang Maha Mulia Sultan Selangor, Sultan Sharafuddin Idris Shah Alhaj Ibni Almarhum Sultan Salahuddin Abdul Aziz Shah Alhaj. Beliau seolah-olah memberi amaran kepada Sultan Selangor berikutan titah baginda yang berhubung kenyataan Pengerusi Parti Pribumi Bersatu Malaysia (PPBM) yang berunsur penghinaan terhadap etnik Bugis. Perkara itu telah mencetuskan kemarahan rakyat Selangor lebih-lebih lagi apabila ia dilakukan dalam masa beberapa hari sebelum sambutan Hari Keputeraan Sultan Selangor.

Bukan itu sahaja masalah yang ditimbulkan mereka di Selangor. Kerajaan Negeri Selangor di bawah pentadbiran Menteri Besar, Dato' Seri Mohamed Azmin bin Ali terbukti gagal melaksanakan tanggungjawab menguruskan Projek Perumahan Rakyat (PPR) dengan baik.

Akibatnya, penghuni-penghuni PPR di sekitar Selangor terpaksa berdepan dengan pelbagai kesulitan apabila lif selalu rosak dan kemudahan lain seperti longkang serta sistem kumbahan tidak diselenggara dengan

sempurna. Mujurlah, Kementerian Kesejahteraan Bandar, Perumahan dan Kerajaan Tempatan (KPKT) menyalurkan banyak peruntukan bagi menyelesaikan masalah-masalah yang gagal ditangani Kerajaan Negeri Selangor.

Tetapi apabila KPKT ingin mengambil alih pengurusan PPR Lembah Subang, Kerajaan Negeri Selangor minta bayaran sebanyak RM60 juta pula. Bukankah lebih baik jika serahkan semula kepada KPKT sebab mereka pun tak tahu buat kerja.

Begitu juga dalam isu perobohan rumah dua bekas pegawai masjid di Subang. Menteri Besar Selangor seolah-olah tidak mampu berbuat apa-apa untuk menghentikan atau menangguhkan tindakan perobohan oleh pihak berkuasa tempatan (PBT). Adakah kuasa pegawai PBT lebih besar daripada Menteri Besar Selangor?

Bajet Selangor 2018 yang dibentangkan Mohamed Azmin juga tidaklah hebat yang dicanangkan. Peruntukan yang diluluskan oleh saya bagi kerja-kerja membaik pulih PPR di Selangor dalam program-program turun pada tahun ini sahaja lebih besar daripada jumlah yang diumumkan Mohamed Azmin.

Pentadbiran Mohamed Azmin mungkin takut kepada bayang-bayang sendiri apabila mengeluarkan larangan melanggan akhbar Utusan Malaysia dan Berita Harian kepada semua

agensi di bawah Kerajaan Negeri Selangor. Selama ini, sekutu-sekutu Mohamed Azmin lantang berkokok tentang kebebasan bersuara walaupun apa yang mereka ingin suarakan sebenarnya adalah pembohongan.

Lain pula ceritanya di Selangor. Agaknya mereka tidak suka penjawat awam di Selangor tahu tentang betapa lemahnya pentadbiran kerajaan negeri dalam menyelesaikan segala permasalahan yang dihadapi rakyat.

Skandal pemberian tanah di Sungai Yu, Selangor memberi gambaran berlaku kepincangan dalam pentadbiran Menteri Besar Selangor. Baru-baru ini, Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) telah membuka semula siasatan terhadap kes berkenaan. Isu ini mungkin menjadi punca mengapa Mohamed Azmin enggan menandatangani Ikrar Bebas Rasuah (IBR). Agaknya, beliau telah terhidu banyak salah laku dan salah guna kuasa dalam pentadbirannya.

Cadangan KPKT untuk membina balai bomba baharu pun menjadi mangsa politik mereka. Projek Balai Bomba dan Penyelamat Setia Alam serta Balai Bomba dan Penyelamat Bukit Rahman Putra tertangguh gara-gara premium tanah yang dikenakan oleh Kerajaan Negeri Selangor terlalu tinggi.

Masalah sebegini akan terus berlaku selagi Kerajaan Negeri Selangor hanya dapat melihat usaha Kerajaan

Persekutuan membantu rakyat dari sudut pandangan mereka yang sempit semata-mata. Apakah mereka tidak peduli kesannya terhadap rakyat yang memberi mandat kepada mereka untuk mentadbir kerajaan negeri?

Saya berharap rakyat di Selangor mengambil iktibar daripada apa yang berlaku sepanjang tahun ini dan menjadikannya sebagai asas untuk membuat pertimbangan dalam pilihan raya umum yang bakal berlangsung pada bila-bila masa tahun depan. Janganlah diulangi kesilapan serupa dengan memberi kepercayaan kepada pihak yang gagal membalas kepercayaan yang diberikan rakyat kepada mereka.

Usaha Kerajaan Persekutuan membantu rakyat juga menjadi lebih mudah apabila mendapat kerjasama sepenuhnya daripada kerajaan negeri. Banyak peruntukan yang diluluskan oleh KPKT tetapi ada projek yang tidak dapat dilaksanakan kerajaan kerana tidak menerima sokongan dan kelulusan Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) serta Kerajaan Negeri. Akhirnya, rakyat juga yang rugi.

Semoga tahun 2018 lebih baik daripada tahun-tahun sebelumnya dan hadir bersama nikmat kemakmuran serta keamanan yang berterusan kepada kita semua.

TAN SRI HAJI NOH BIN OMAR

Menteri Kesejahteraan Bandar, Perumahan dan Kerajaan Tempatan


SENYUM SIKIT

Oleh MARO

Banyak buah tangan yang kami terima daripada Tan Sri dan KPKT tahun ni! Yang rosak dibaiki, yang usang dicat baharu, yang kurang ditambah lagi!

Betul tu! Terima kasih daun keladi, Tan Sri... tahun depan bantulah kami lagi!

Sudah semestinya saya dan KPKT terus bantu! Kalau kerajaan negeri dan Pusat seiya sekata, lebih lancar urusan kami menjaga kebajikan rakyat bandar! Kita jumpa lagi tahun depan!





RFN Ke-3, DPN2 DPF Desa Negara

Perdana Menteri, Dato' Sri Mohd. Najib bin Tun Abdul Razak menyempurnakan Majlis Pelancaran Rancangan Fizikal Negara Ke-3 (RFN Ke-3), Dasar Perbandaran Negara Kedua (DPN2) dan Dasar Perancangan Fizikal Desa Negara (DPF Desa Negara) di Pusat Konvensyen Antarabangsa Putrajaya (PICC), Putrajaya pada 8 Jun lalu.



PPR Tehel

Perdana Menteri, Dato' Sri Mohd. Najib bin Tun Abdul Razak menyampaikan replika kunci kepada salah seorang penduduk selepas merasmikan PPR Tehel, Melaka pada 24 April lalu.



PPR Tekek Makmur

Perdana Menteri, Dato' Sri Mohd. Najib bin Tun Abdul Razak dan Menteri Besar Pahang, Dato' Sri Diraja Haji Adnan bin Yaakob bergambar dengan keluarga yang menerima kunci Projek Perumahan Rakyat (PPR) Tekek Makmur, Pulau Tioman, Pahang pada 20 Julai lalu.



Hari Anggota Bomba Sedunia

Sultan Perak, Sultan Nazrin Muizzuddin Shah Ibni Almarhum Sultan Azlan Muhibbuddin Shah Al-Maghfur-Lah dan Raja Permaisuri Perak, Tuanku Zara Salim bergambar dengan barisan pegawai dan anggota JBPM sempena Sambutan Hari Anggota Bomba Sedunia Tahun 2017 di Ipoh, Perak pada 4 Mei lalu.



PPR Taman Batu Sapi

Perdana Menteri, Dato' Sri Mohd. Najib bin Tun Abdul Razak hadir merasmikan PPR Taman Batu Sapi, Sandakan, Sabah pada 3 Mac lalu.



Hari Landskap Negara 2017

Tan Sri Haji Noh bin Omar dan Menteri Besar Perak, Dato' Seri Diraja Dr. Zambry bin Abd. Kadir ketika menghadiri Sambutan Hari Landskap Negara Tahun 2017 di Taman Tasik Kamunting, Kamunting, Perak pada 2 April lalu.



Karnival Perumahan Mampu Milik

Tan Sri Haji Noh bin Omar; Timbalan Menteri Kesejahteraan Bandar, Perumahan dan Kerajaan Tempatan, Datuk Wira Halimah binti Mohamed Sadique dan Ketua Setiausaha KPKT, Dato' Sri Haji Mohammad bin Mentek ketika menghadiri Majlis Perasmian Karnival Perumahan Mampu Milik (KPMML) - Ekspo Hartanah dan Perumahan Malaysia (MAPEX) 2017 di Pusat Konvensyen Shah Alam (SACC), Shah Alam, Selangor pada 11 Ogos lalu.

Hari Perancangan Bandar & Habitat Sedunia

Sebahagian peserta yang mengambil bahagian dalam acara berbasikal sempena Sambutan Hari Perancangan Bandar Sedunia dan Hari Habitat Sedunia Tahun 2017 di Puteri Harbour, Johor pada 11 November lalu.



Pameran KPKT

Timbalan Perdana Menteri yang juga Naib Presiden UMNO, Dato' Sri Dr. Ahmad Zahid bin Hamidi mengunjungi Pameran Korporat Kementerian Kesejahteraan Bandar, Perumahan dan Kerajaan Tempatan (KPKT) sempena Perhimpunan Agung UMNO 2017 di Pusat Dagangan Dunia Putra (PWTC) pada 6 Disember lalu sambil diiringi Menteri Kesejahteraan Bandar, Perumahan dan Kerajaan Tempatan, Tan Sri Haji Noh bin Omar.



Hari Kitar Semula

Tan Sri Haji Noh bin Omar menyempurnakan majlis perasmian Sambutan Hari Kitar Semula Kebangsaan Tahun 2017 di Anjung Floria, Putrajaya pada 18 November lalu.



Ops Raya

Tan Sri Haji Noh bin Omar menyempurnakan Majlis Pelancaran Ops Raya Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia (JBPM) di Pasar Raya Besar Aeon Shah Alam, Selangor pada 13 Jun lalu.



NBOS Gotong Royong

Antara orang ramai yang mengambil bahagian dalam Program Strategi Lautan Biru Kebangsaan (NBOS) My Beautiful Neighbourhood (MyBN) Gotong Royong 2017 Peringkat Kebangsaan di Bandar Saujana Utama, Sungai Buloh, Selangor pada 14 Oktober lalu.



PPR Kuala Nerus

Perdana Menteri, Dato' Sri Mohd. Najib bin Tun Abdul Razak beramah mesra dengan seorang kanak-kanak Orang Kurang Upaya (OKU) ketika menghadiri majlis Pecah Tanah PPR Kuala Nerus, Terengganu pada 16 April lalu.



WUF9

Perdana Menteri, Dato' Sri Mohd. Najib bin Tun Abdul Razak menyempurnakan Majlis Pra Pelancaran pengajuran Forum Bandar Sedunia Ke-9 (WUF9) di Bangunan Perdana Putra, Putrajaya pada 26 April lalu.



Watikah Pelantikan JPP

Tan Sri Haji Noh bin Omar, Datuk Wira Halimah binti Mohamed Sadique dan Dato' Sri Haji Mohammad bin Mentek bergambar bersama penerima-penerima Watikah Pelantikan Pengerusi dan Setiausaha Jawatankuasa Perwakilan Penduduk (JPP) Negeri Selangor di Hotel Sama-Sama, Sepang, Selangor pada 10 Januari lalu.

JBPM kendali lebih 70,000 kes sepanjang 2017

SEPANJANG tahun 2017, Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia (JBPM) telah mengendalikan pelbagai kes, bantuan dan kerja-kerja menyelamatkan bagi memastikan aspek keselamatan rakyat Malaysia diberikan keutamaan dari semasa ke semasa.

Tugas JBPM adalah menerima sebarang panggilan daripada orang ramai berkaitan dengan kebakaran, penyelamatan, khidmat kemanusiaan dan tugas-tugas khas.

Bilangan panggilan yang diterima sepanjang tahun ini adalah sebanyak 73,507 panggilan merangkumi panggilan kebakaran, penyelamatan, tugas khas dan panggilan palsu.

Jumlah kes kebakaran pada tahun ini adalah sebanyak 25,522 kes yang melibatkan pelbagai jenis punca kebakaran iaitu sebanyak 21,196 kes diikuti dengan punca disebabkan elektrik sebanyak 1,437 kes serta disebabkan sengaja bakar dengan niat baik sebanyak 1,366 kes.

Setakat ini, sebanyak 5,767 kes kebakaran berlaku menerusi tumbuh-tumbuhan seperti belukar atau lalang diikuti bangunan dan isinya (4,711 kes), kenderaan (3,166 kes), sampah (2,206 kes) serta alat perkakas (1,339 kes).

Jika dilihat kebakaran yang berlaku dalam bangunan, kebanyakannya berpunca daripada peralatan elektrik iaitu sebanyak 324 kes diikuti dapur gas atau minyak dengan 201 kes.

Jenis bangunan yang terlibat dalam kebakaran pada tahun ini adalah rumah kediaman dengan 1,108 kes dan daripada jumlah itu, rumah teres mencatatkan 770 kes diikuti kedai (482 kes), rumah pangsa (291 kes), kilang (243 kes) dan stor simpanan (232 kes).

Dari segi kerja penyelamatan dan khidmat kemanusiaan, sebanyak 3,655



Sebanyak 265 kes mencari dan menyelamatkan dikendalikan JPBM sepanjang 2017.

kes melibatkan kemalangan jalan raya, 1,095 kes pula membabitkan tumpahan dan kebocoran bahan petroleum diikuti mangsa terperangkap dalam lif (1,596 kes), mencari dan menyelamatkan (265 kes), pokok tumbang (3,004 kes), bencana banjir (725 kes) serta 15,198 tugasan membantu menangkap ular atau sebarang binatang berbahaya.

Bagi tugas-tugas khas pula, banyak bantuan diberikan kepada beberapa pihak seperti agensi kerajaan dengan sebanyak 384 tugasan diikuti bantuan semasa gotong-royong (272 tugasan) dan bantuan keselamatan semasa majlis perayaan (213 tugasan).

Justeru, dengan jumlah tugasan yang berjaya ditangani tahun

ini, diharapkan JBPM dapat meneruskan rentak cemerlang dalam tugas-tugas menyelamatkan orang awam agar dapat menjalankan tugas dengan lebih baik pada tahun hadapan.



Anggota-anggota JBPM bertungkus lumus memadamkan kebakaran di sebuah kilang.



Khidmat kemanusiaan yang diberikan JBPM termasuk membersihkan kediaman mangsa banjir.



Kerja penyelamatan yang dilakukan anggota-anggota JBPM sepanjang 2017 turut melibatkan sebanyak 3,655 kes kemalangan jalan raya.

**PERANGKAAN
KEBAKARAN,
PENYELAMATAN
& KHIDMAT
KEMANUSIAAN
DAN TUGAS-TUGAS
KHAS 2017**

73,507

panggilan diterima

25,522

panggilan kebakaran

45,747

panggilan penyelamatan

1,933

panggilan tugas-tugas khas

305

panggilan palsu

Menteri Kesejahteraan Bandar, Perumahan dan Kerajaan Tempatan, Tan Sri Haji Noh bin Omar bersama ahli-ahli JPP dalam Majlis Penyampaian Watikah Pelantikan JPP Selangor.



Giat pertingkat kesejahteraan rakyat bandar sepanjang 2017

TAHUN 2017 menyaksikan pelbagai inisiatif telah dilaksanakan Kementerian Kesejahteraan Bandar, Perumahan dan Kerajaan Tempatan (KPKT) bagi meningkatkan tahap kesejahteraan rakyat di bandar.

Tiga program yang menjadi pemacu kesejahteraan bandar adalah program Azam Bandar, Titipan Kasih dan program Jawatankuasa Perwakilan Penduduk (JPP).

Dengan peruntukan sebanyak RM10 juta, program Azam Bandar diwujudkan bagi meningkatkan kemahiran kumpulan sasar supaya mereka mampu mendapatkan pekerjaan atau mengusahakan perniagaan yang boleh menjana pendapatan yang lebih tinggi seterusnya melonjakkan kualiti hidup dan mengeluarkan mereka dari garis kemiskinan.

Skop latihan Azam Bandar menjurus kepada beberapa elemen iaitu program Pembangunan Minda Insan, Celik Kewangan, Bina Upaya, Jana Pendapatan melalui Keusahawanan dan Promosi dan Pemasaran (EXIT4U).

Setakat ini, seramai 901 peserta yang mengikuti Azam Bandar dengan jumlah penyertaan paling tertinggi dicatatkan oleh peserta dari Selangor iaitu seramai 400 orang.

Selain menjana pendapatan, program Titipan Kasih turut diwujudkan bagi membantu mengurangkan beban kewangan keluarga yang kurang berkemampuan dalam meningkatkan kualiti hidup.

Program tersebut memberi bantuan sebanyak RM80 sebulan untuk Ketua Isi Rumah (KIR) yang berstatus miskin tegar dan mempunyai bilangan ahli isi rumah lima orang ke atas dan layak membeli barang keperluan asas seperti beras, aneka tepung, minyak masak,



Salah seorang penduduk di Terengganu menerima bantuan program Titipan Kasih (Food Basket) daripada KPKT.

gula, garam, susu pekat manis, telur, bihun, mi, kicap, sos cili tomato, roti, biskut, marjerin, jem dan sardin.

Dengan peruntukan sebanyak RM2 juta, seramai 1,818 orang telah menerima bantuan Food Basket pada tahun ini.

Bagi memastikan kesejahteraan bandar terpelihara, sebanyak enam Gerak Kerja JPP dibentuk bagi membantu JPP merancang dan melaksanakan program dan aktiviti kemasyarakatan mengikut keperluan penduduk setempat seperti aspek keselamatan, kesihatan, kebersihan dan taraf hidup.

Enam gerak kerja JPP meliputi Gerak

Kerja Komuniti Bomba, Gerak Kerja Komuniti Selamat, Gerak Kerja Komuniti Sihat, Gerak Kerja Komuniti Bersih, Gerak Kerja Komuniti Indah dan Gerak Kerja Komuniti Sejahtera.

Sebanyak 1,318 program Gerak Kerja JPP telah dilaksanakan dengan Gerak Kerja Komuniti Sejahtera iaitu Kanta Komuniti merupakan gerak kerja yang paling banyak dilaksanakan oleh JPP iaitu 305 program di 11 buah negeri.

Pelaksanaan ketiga-tiga program ini diharapkan banyak membantu rakyat pada tahun ini dan dijadikan penanda aras dalam meningkatkan lagi kualiti kesejahteraan bandar pada tahun hadapan.

BILANGAN PESERTA PROGRAM AZAM BANDAR 2017

Johor	60
Kedah	60
Kelantan	60
Melaka	66
Negeri Sembilan	25
Pahang	60
Perak	60
Perlis	30
Pulau Pinang	30
Sabah	0
Sarawak	0
Selangor	400
Terengganu	50
W.P Kuala Lumpur	0
W.P Labuan	0
W.P Putrajaya	0
JUMLAH BESAR	901

BILANGAN PENERIMA BANTUAN TITIPAN KASIH (FOOD BASKET) 2017

Johor	14
Kedah	14
Kelantan	493
Melaka	0
Negeri Sembilan	11
Pahang	27
Perak	14
Perlis	12
Pulau Pinang	51
Sabah	334
Sarawak	531
Selangor	266
Terengganu	8
W.P Kuala Lumpur	30
W.P Labuan	13
W.P Putrajaya	0
JUMLAH BESAR	1,818

Saluran
Aduan
KPKT

Aduan dalam talian melalui laman web KPKT:
www.kpkt.gov.my

Laman web Menteri Kesejahteraan Bandar, Perumahan dan Kerajaan Tempatan, Tan Sri Noh Omar:
www.nohomar.my

E-mel Menteri Kesejahteraan Bandar, Perumahan dan Kerajaan Tempatan, Tan Sri Noh Omar:
aduanmenteri@kpkt.gov.my

Talian aduan Perbadanan Pengurusan Sisa Pepejal (SWCorp): **03-83124040**

Aduan PBT menerusi aplikasi telefon pintar iKepoh:
http://ikepoh.kpkt.gov.my/

Facebook **KPKT MALAYSIA**

Instagram **KPKT**

Twitter **@kpkt_gov**

YouTube **KPKT Malaysia**

Portal Talian Indahkan Malaysia (aduan kutipan sampah):
http://www.aduansisa.my/

Talian Aduan Kutipan Sampah dan Pembersihan Awam:
1-800-88-7472

Skim MyDeposit dibuka semula 15 Disember 2017

PERMOHONAN baharu untuk Skim Pembiayaan Deposit Rumah Pertama (MyDeposit) sebanyak 10 peratus daripada harga rumah atau maksimum RM30,000 telah dibuka semula kepada orang ramai pada 15 Disember lalu.

Menteri Kesejahteraan Bandar, Perumahan dan Kerajaan Tempatan, Tan Sri Haji Noh bin Omar berkata, skim berkenaan telah dimulakan tahun lalu atas keprihatinan Perdana Menteri, Dato' Sri Mohd Najib bin Tun Abdul Razak.

"Saya terima beberapa pertanyaan mengenai skim MyDeposit, subsidi bantuan deposit untuk pembeli rumah pertama sebanyak 10 peratus daripada harga rumah atau maksimum RM30,000 yang tertakluk kepada syarat-syarat tertentu.

"Alhamdulillah, ini adalah atas keprihatinan Perdana Menteri, Dato' Sri Mohd Najib bin Tun Abdul Razak untuk membantu rakyat miliki rumah dan telah dibentangkan dalam Bajet 2018," katanya.

Dalam pembentangan Bajet 2018, kerajaan telah

memperuntukkan sebanyak RM2.2 bilion dalam sektor pemilikan rumah untuk rakyat termasuk membiayai 2,000 unit rumah di bawah program MyDeposit bagi membantu pembayaran deposit.

Skim tersebut merupakan satu insentif kerajaan bagi membantu golongan pertengahan memiliki rumah idaman yang mana peruntukan sebanyak RM200 juta disediakan oleh sebagai sumbangan kepada pembeli rumah pertama untuk rumah mampu milik bagi tujuan bayaran deposit sebanyak 10 peratus daripada harga rumah atau maksimum RM30,000.

Ini bermakna pembeli rumah pertama yang memohon skim MyDeposit tidak perlu membayar balik wang deposit tersebut kepada kerajaan.

Selaras dengan objektif Dasar Perumahan Negara bagi meningkatkan keupayaan dan aksesibiliti rakyat memiliki rumah, skim MyDeposit diselaraskan oleh

Kementerian Kesejahteraan Bandar, Perumahan dan Kerajaan Tempatan (KPKT) melalui Jabatan Perumahan Negara mulai 6 April 2016.

Pembelian rumah yang dibenarkan di bawah skim MyDeposit adalah projek perumahan baharu yang berlesen atau perumahan pasaran sekunder, harga pembelian adalah RM500,000 dan ke bawah dan kelulusan pembelian bagi projek-projek perumahan swasta yang tidak mendapat sebarang subsidi, insentif atau dana kerajaan.

Untuk maklumat lanjut mengenai MyDeposit, orang ramai boleh melayari laman web www.kpkt.gov.my atau ehome.kpkt.gov.my.

Pembeli rumah yang dibina pemaju swasta untuk kali pertama bernilai RM500,000 dan ke bawah layak untuk memohon skim MyDeposit. – GAMBAR HIASAN



Skim MyDeposit layak bagi projek-projek perumahan swasta yang tidak mendapat subsidi, insentif atau dana kerajaan. – GAMBAR HIASAN

CARA PERMOHONAN MYDEPOSIT

- 1 Permohonan dibuat secara dalam talian **<https://sprn.kpkt.gov.my>**
- 2 Perakuan dan kelulusan jawatankuasa pemilihan penerima insentif skim MyDeposit
- 3 Muat turun **surat tawaran bersyarat** skim MyDeposit secara dalam talian (tempoh **30 hari** lengkapkan dokumen)
- 4 Menandatangani **perjanjian jual beli rumah** dengan pemaju perumahan
- 5 Menandatangani **surat tawaran kelulusan pinjaman** perumahan
- 6 Melengkapkan borang **akuan bersumpah/berkanun**
- 7 Mengemukakan **dokumen yang telah lengkap** bagi tuntutan insentif skim MyDeposit kepada KPKT
- 8 Insentif MyDeposit dibayar **ke akaun pemajuan perumahan** (HDA) pihak pemaju
- 9 **Sekatan kepentingan** (moratorium) ke atas hak milik



SKIM PINJAMAN PERUMAHAN (SPP)

TUJUAN

SPP DIWUJUDKAN BERTUJUAN MENYEDIAKAN KEMUDAHAN PINJAMAN KEPADA GOLONGAN BERPENDAPATAN RENDAH YANG MASIH BELUM MEMILIKI RUMAH SENDIRI



SYARAT PINJAMAN

HAD PINJAMAN MAKSIMUM

RM60,000.00

(TIDAK TERMASUK PERLINDUNGAN INSURANS)



SYARAT PEMBINAAN RUMAH



KELUASAN LANTAI
700 – 1,000 KAKI PERSEGI



3 BILIK TIDUR



2 BILIK AIR



RUANG TAMU



DAPUR

ehome.kpkt.gov.my
 www.kpkt.gov.my
 @kpkt_gov
 kpkt
 KPKT Malaysia
 @perumahanJPN
 Jabatan Perumahan Negara (JPN)
 JabatanPerumahan JPN



SKIM PEMBIAYAAN DEPOSIT RUMAH PERTAMA (SKIM MYDEPOSIT)



MyDeposit

PERMOHONAN **SKIM MYDEPOSIT**
DIBUKA PADA

15 DISEMBER 2017



WARGANEGARA MALAYSIA

SYARAT DAN KELAYAKAN
PERMOHONAN SKIM MYDEPOSIT

BERUMUR 21 TAHUN DAN KE ATAS



PEMBELIAN RUMAH PERTAMA
BAGI SATU ISI RUMAH

BERKELAYAKAN UNTUK MEMBUAT
PINJAMAN PERUMAHAN



PENDAPATAN KASAR ANTARA
RM3,000 HINGGA RM15,000

HARGA RUMAH TIDAK MELEBIHI
RM500 RIBU



www.kpkt.gov.my
 @kpkt_gov
 kpkt
 KPKT Malaysia
 @perumahanJPN
 Jabatan Perumahan Negara (JPN)
 JabatanPerumahan JPN
 ehome.kpkt.gov.my



Menteri Kesejahteraan Bandar, Perumahan dan Kerajaan Tempatan, Tan Sri Haji Noh bin Omar menerima kunjungan hormat Pengarah Eksekutif UN-Habitat, Dr. Joan Clos (tiga dari kiri) di Putrajaya baru-baru ini bersempena penganjuran WUF9.

FORUM BANDAR SEDUNIA



KUALA LUMPUR • 7-13 FEB 2018

WUF9 agenda perbandaran masa hadapan

ORANG ramai dijemput hadir untuk memeriahkan Forum Bandar Sedunia ke-9 (WUF9) yang akan berlangsung pada 7 hingga 13 Februari 2018 di Pusat Konvensyen Kuala Lumpur (KLCC).

Bertemakan *Cities 2030: Cities for All, Implementing New Urban Agenda*, forum itu bakal menjadi pentas kepada para pemimpin dunia, organisasi dan individu terlibat bagi mencari jalan penyelesaian terhadap isu pembangunan di bandar demi mengubah gaya hidup yang lebih baik untuk generasi akan datang.

Secara tidak langsung, WUF9 akan meningkatkan kesedaran perbandaran lestari dalam kalangan masyarakat setempat, meraih pengetahuan melalui pertukaran idea serta meningkatkan kerjasama dengan pelbagai organisasi bagi menjayakan perbandaran lestari.

Lebih 500 buah program diadakan dan seramai 250 jurucakap akan hadir sepanjang tujuh hari forum itu berlangsung meliputi pelbagai bentuk program seperti dialog, sesi meja bulat,



perhimpunan, sesi khas, program rangkaian, bicara urban, program latihan dan lawatan teknikal.

Sejajar dengan itu, dokumen Agenda Perbandaran Baharu yang dilancarkan

pada 24 Oktober 2017 akan dibincangkan bersama negara-negara lain semasa WUF9 berlangsung.

Agenda Perbandaran Baharu meliputi lima aspek iaitu Dasar Perbandaran Negara; Perundangan dan Peraturan Perbandaran; Rekabentuk dan Perancangan Perbandaran; Sistem Kewangan Majlis Perbandaran dan Ekonomi Bandar serta Pelaksanaan Tempatan.

Melalui agenda tersebut, kesemua projek dan program akan menumpukan kepada lima elemen utama iaitu struktur tadbir urus, inklusif sosial, pembangunan spatial, kemakmuran bandar dan kelestarian persekitaran.

Dokumen Agenda Perbandaran Baharu telah diterima pakai oleh 170 buah negara Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (PBB) semasa persidangan Habitat III di Quito, Ecuador pada 20 Oktober 2016 dan menggariskan wawasan yang sama dan standard untuk pembangunan bandar menjelang tahun 2030 atau melangkaui sehingga tahun 2050.

Kementerian Kesejahteraan Bandar,

Perumahan dan Kerajaan Tempatan (KPKT) dengan kerjasama Program Pernempatan Manusia Bangsa-Bangsa Bersatu (UNHabitat) telah menterjemahkan dokumen Agenda Perbandaran Baharu ke dalam bahasa Melayu serta enam bahasa utama yang lain agar dapat diterima pakai dalam konteks tempatan, khususnya jabatan Persekutuan, negeri dan Pihak Berkuasa Tempatan (PBT).

Dalam pada itu, satu larian amal akan turut diadakan pada 11 Februari 2018 iaitu *KL World Urban Run Cities 2030, Cities for All* berlangsung di Dataran Merdeka.

Sebanyak tiga kategori akan dipertandingkan iaitu 5 kilometer, 10 kilometer dan 15 kilometer yang mana setakat ini seramai 7,500 peserta telah berdaftar dan dijangka mencecah 10,000 peserta pada hari pertandingan.

Diharapkan WUF9 dapat menyumbang kepada pembentukan sebuah bandar inklusif, selamat dan sejahtera serta mencapai matlamat Agenda Perbandaran Baharu demi kesejahteraan penduduk untuk 30 tahun akan datang.



Program sebaran yang diadakan sempena WUF9.



Pelancaran KL World Urban Run Cities 2030: Cities for All yang dijadualkan berlangsung pada 11 Februari 2018 di Dataran Merdeka, Kuala Lumpur.



Barisan kepimpinan BN Selangor bersama Tan Sri Haji Noh bin Omar dan ribuan rakyat ketika menzahirkan kesetiaan dan menjunjung kedaulatan Duli Yang Maha Mulia Sultan Selangor, Sultan Sharafuddin Idris Shah Alhaj Ibni Almarhum Sultan Salahuddin Abdul Aziz Shah Alhaj.

Kecam penghinaan terhadap DYMM Sultan Selangor

Rakyat bersatu menjunjung kedaulatan



Rakyat pelbagai kaum dan agama bersatu mempertahankan kedaulatan DYMM Sultan Selangor.

LEBIH 5,000 rakyat Selangor daripada pelbagai latar belakang kaum dan agama menunjukkan solidariti mereka dengan menyertai perhimpunan Daulat Tuanku di Dataran Mayang, Seksyen 16, Shah Alam pada 10 Disember lalu.

Dalam perhimpunan itu, mereka melafazkan kesetiaan dan menjunjung kedaulatan Duli Yang Maha Mulia Sultan Selangor, Sultan Sharafuddin Idris Shah Alhaj Ibni Almarhum Sultan Salahuddin Abdul Aziz Shah Alhaj berikutan kenyataan seorang ahli DAP, Dato' Mohd. Zaid bin Ibrahim melalui akaun Twitter miliknya yang disifatkan menghina baginda.

Pada masa sama, peserta-peserta perhimpunan aman itu turut memecam Pengerusi Parti Prihumi Bersatu Malaysia (PPBM), Tun Dr. Mahathir bin Mohamad kerana mengguris perasaan Duli Yang Maha Mulia Sultan Selangor dengan mengeluarkan kenyataan yang dianggap menghina etnik Bugis.

Perhimpunan itu turut disertai Pengerusi Barisan Nasional (BN) Selangor, Tan Sri Haji Noh bin Omar; Timbalan Pengerusi BN Selangor, Datuk Mat Nadzari bin Ahmad Dahlan; Ahli Parlimen Kuala Selangor, Dato' Sri Dr. Irmo-hizam bin Ibrahim; Ahli Parlimen Sungai Besar, Budiman bin Mohd. Zondi dan Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Permatang, Datuk Sulaiman bin Abdul Razak.

Noh berkata, perhimpunan



Tan Sri Haji Noh bin Omar bersama rakyat Selangor dalam perhimpunan Daulat Tuanku di Dataran Mayang, Seksyen 16, Shah Alam pada 10 Disember lalu.

tersebut telah memutuskan satu deklarasi yang antaranya menggesa kerajaan negeri Selangor melarang Mohd. Zaid dan Dr. Mahathir berucap di mana-mana lokasi atau premis di negeri berkenaan.

"Pihak berkuasa juga tidak seharusnya mengeluarkan sebarang permit bagi Mohd. Zaid dan Dr. Mahathir untuk berucap di mana-mana perhimpunan dan pentas politik di Selangor," katanya ketika berucap pada perhimpunan itu yang seterusnya disambut dengan sorakan gemuruh rakyat Selangor.

Dalam pada itu, Noh yang juga Penasihat Himpunan Daulat Tuan-ku mahu Mohd. Zaid dan Dr. Ma-

hathir memohon maaf secara terbuka kepada Sultan Selangor dan diasas di bawah Akta Hasutan.

Beliau turut menyelar kerajaan negeri Selangor yang diterajui Menteri Besar, Dato' Seri Mohamed Azmin bin Ali yang didakwa tidak mengambil tindakan tegas dalam mempertahankan Duli Yang Maha Mulia Sultan Selangor.

Susulan perhimpunan berkenaan, BN Selangor dan wakil 10 pertubuhan bukan kerajaan (NGO) mempersembahkan deklarasi rakyat bagi menzahirkan kesetiaan dan daulat kepada baginda di Istana Bukit Kayangan, Shah Alam pada 12 Disember lalu.



JBPM kendali lebih 70,000
kes sepanjang 2017 *muka 10*

Buletin Bandar

17 DISEMBER 2017 • 28 RABIULAWAL 1439

Rakyat pertahan DYMM Sultan Selangor

Daulat Tuanku!



"Pihak berkuasa juga tidak seharusnya mengeluarkan sebarang permit bagi Mohd. Zaid dan Dr. Mahathir untuk berucap di mana-mana perhimpunan dan pentas politik di Selangor."

TAN SRI HAJI NOH BIN OMAR
Pengerusi BN Selangor

muka 15



*Giat peringkat kesejahteraan rakyat
bandar sepanjang 2017 **muka 11***

*Skim MyDeposit
dibuka semula
15 Disember 2017*

muka 12

